

Ciri-ciri Kafa'ah

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Fuqaha bersepakat hanya aspek agama sahaja yang diambil kira dalam menentukan sekufu atau tidak sesebuah pasangan suami isteri. Menurut Mazhab Syafii, ciri-ciri kafa'ah terdiri dari enam perkara. Antaranya ialah:

Keturunan

- sekufu dari segi keturunan bermaksud pasangan tersebut adalah sebangsa. Ia merupakan hak kepada bakal isteri dan walinya. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka bersetuju, ia tidak menjadi halangan dalam meneruskan perkahwinan

Merdeka

- Jumhur fuqaha meletakkan aspek merdeka sebagai salah satu ciri-ciri kafa'ah. Seorang hamba lelaki tidak sekufu dengan perempuan merdeka

Beragama Islam

- antara hikmah pemilihan wanita yang beragama dan berakhhlak ialah agama akan terus kukuh bersama-sama peredaran zaman. Bahkan akhlak pula akan terus mantap bersama hari-hari yang berlalu di samping pengalaman hidup. Apabila setiap pasangan menjadikan agama akhlak sebagai asas utama dalam kehidupan, ia mampu menjamin kelangsungan cinta dan kasih sayang yang berkekalan.

Pekerjaan

- Seorang perempuan dan sebuah keluarga yang memiliki pekerjaan yang terhormat, tidak sekufu dengan lelaki yang memiliki pekerjaan kasar. Namun, sekiranya pekerjaan mereka hampir sama dalam tahapnya, maka perbezaan sebegini tidak perlu diambil kira

Kekayaan

- Kekayaan yang dimaksudkan ialah memiliki harta untuk membayar mahar dan nafkah kepada isterinya. Menurut Ensiklopedia Keluarga Muslim, mahar tidak termasuk dalam hal ketidakmampuan memberi nafkah yang dianggap sebagai syarat sekufu. Hal demikian, mahar boleh diperolehi melalui bantuan keluarga atau sahabat.

Selamat dari Sebarang Kecacatan

- Seorang lelaki yang cacat jasmani yang ketara tidak sekufu dengan perempuan yang sihat dan normal.